

Tok Kenali


Ketokohan dan Sumbangan dalam Persuratan Tanah Air

TOK KENALI (TAHUN 1860-1933) MERUPAKAN SATU NAMA BESAR DALAM SEJARAH TAMADUN ISLAM DI RANTAU NUSANTARA, KHUSUSNYA DI MALAYSIA. KETOKOHAN BELIAU SANGAT TERBILANG SEBAGAI SEORANG ULAMA YANG MEMPUNYAI PERANAN DAN SUMBANGAN BESAR TERHADAP PERKEMBANGAN DAKWAH, PENDIDIKAN DAN PENTADBIRAN ISLAM DI NEGARA INI.

Kemunculan Tok Kenali dalam sejarah Islam di negara ini telah berhasil mengangkat Kelantan sebagai negeri “Serambi Mekah” pada separuh pertama abad ke-20 dengan kelahiran pusat pengajian Islam, atau “pondok”, yang diterajui oleh para ulama. Masjid Muhammadi dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat

Melayu Kelantan (MAIK) pula bangkit sebagai institusi penting dalam sejarah pendidikan tinggi dan pentadbiran Islam di negara ini, sedangkan Pondok Kenali yang dikendalikan sendiri oleh Tok Kenali termasyhur sebagai pusat pengajian bahasa Arab yang ulung.

Di sebalik deretan jasa Tok Kenali terhadap perkembangan





Naskah sulung majalah Pengasuh.

Islam di negara ini, belum banyak sarjana yang meneliti dan menggalurkan sumbangan Tok Kenali dalam bidang persuratan. Walaupun sebenarnya Tok Kenali melihat jauh ke hadapan bahawa satu daripada wahana yang penting dalam menggerakkan pemikiran orang Melayu yang "sedang tidur" itu adalah melalui persuratan.

Bidang pendidikan yang dibangunkan oleh beliau, sama ada menerusi sistem *talaqi* di Pondok Kenali atau sistem *nizami* di Sekolah Majlis, mahupun pengajian kitab peringkat tinggi di Masjid Muhammadi, khalayak dakwahnya hanya terhad kepada pelajar secara khusus, sedangkan masyarakat terus dibaluti oleh kekolotan pemikiran dan kejahilan. Tok Kenali mempunyai kesedaran bahawa proses provokasi pemikiran mesti dilakukan ke atas orang Melayu, jika bangsa ini hendak diislahkan. Satu-satunya jalan yang berkesan

adalah melalui media massa atau persuratan.

BIOGRAFI RINGKAS TOK KENALI

Tok Kenali, atau nama sebenarnya Muhammad Yusof bin Ahmad bin Abdul Samad, dilahirkan di Kampung Kenali, Kubang Kerian, Kelantan, pada tahun 1287 Hijriah bersamaan dengan tahun 1870 Masihi. Ayahnya, Ahmad bin Abdul Samad, merupakan seorang ahli agama yang berasal dari negeri Cahaya atau Chaiya, kini dikenali sebagai Surat Thani, Thailand, tetapi berhijrah ke Kelantan pada pertengahan abad ke-19.

Pada asalnya, ayahnya berkhidmat sebagai Panglima Perang Kerajaan Cahaya, tetapi meninggalkan jawatan tersebut setelah tentera Cahaya diperalatkan oleh Siam untuk menyerang negeri-negeri Melayu di selatan sejak awal abad ke-19. Kali terakhir Raja Cahaya dan tentera digunakan oleh



Tok Kenali (duduk kiri) dan Pendeta Za'ba (memegang tongkat) bergambar di hadapan bangunan MAIK.

Ketika usianya mencecah tujuh tahun, Tok Kenali mula mendalami ilmu agama secara serius di Kota Bharu di bawah bimbingan tidak kurang daripada 10 orang ulama terkemuka dewasa itu, termasuk Tuan Tabal, Haji Nik Mahmud Qadhi, Haji Abdullah Musa Hakim, Haji Nik Lah, Tuan Padang, Mufti Haji Nik Wan Daud dan lain-lain.

Siam adalah ketika campur tangan dalam perang saudara di Kelantan pada tahun 1842. Sesudah peristiwa ini, Panglima Ahmad meletakkan jawatan dan berhijrah ke Kelantan. Di Kelantan, beliau menjadi petani dan penternak lembu, selain menjadi bilal di Surau Kampung Kenali.

Bilal Ahmad yang sudah separuh umur itu kemudiannya dijadikan menantu oleh Lebai Wak Leh, iaitu imam surau tersebut. Beliau menikahi Fatimah Che Salleh, seorang janda muda yang merupakan anak imam tersebut dan dikurniakan dengan dua orang anak, iaitu Muhammad Yusof dan Ali. Muhammad Yusof yang manja dengan panggilan Awang itu kehilangan ayahnya ketika berusia lima tahun, iaitu pada tahun 1875. Sejak itu, beliau hidup sebagai anak yatim di bawah jagaan dan didikan datuknya, Imam Wak Leh, di samping ibunya, Fatimah dan nenek tirinya, Tok Mek Ngah.


Ketika usianya mencecah tujuh tahun, Tok Kenali mula mendalami ilmu agama secara serius di Kota Bharu di bawah bimbingan tidak kurang daripada 10 orang ulama terkemuka dewasa itu, termasuk Tuan Tabal, Haji Nik Mahmud Qadhi, Haji Abdullah Musa Hakim, Haji Nik Lah, Tuan Padang, Mufti Haji Nik Wan Daud dan lain-lain. Tok Kenali mengambil masa sekitar lapan tahun untuk belajar dengan beberapa

orang ulama di Kota Bharu sehingga muncul sebagai seorang “ustaz muda” yang berkeupayaan mengajar kitab Jawi di Kampung Kenali pada ketika itu.

Pada tahun 1886, Tok Kenali berangkat ke Mekah untuk mendalami ilmu agama pada peringkat yang lebih tinggi. Beliau berguru dengan para ulama Melayu,

seperti Sheikh Wan Ahmad al-Fathani, Tok Wan Ali Kutan, Sheikh Nik Mat Kechik, Sheikh Ahmad Khatib Minangkabau, dan Sheikh Mukhtar Atarid Bogor. Di samping itu, sejumlah ulama Arab yang mengajar Tok Kenali antaranya termasuklah Sheikh Mohammad Sulaiman Hasbullah, Sheikh Ubaid, Sheikh Mohammad Amin Mirdad, dan Sheikh Mohammad Yusof Khayyat.

Tok Kenali belajar di Mekah selama 22 tahun dan telah dibenarkan mengajar di Masjidil Haram sejak tahun 1897. Pada tahun 1904, beliau dibawa oleh Sheikh Wan Ahmad al-Fathani pergi ke Beirut dan Mesir untuk bermuzakarah dengan Sheikh Mohammad Yusof an-Nabhani dan Sheikh Muhammad Abduh. Pada tahun 1908, Sheikh Wan



Sejarah Pondok Tok Kenali yang terletak di Kubang Kerian, Kelantan.



Pondok Tok Kenali kini dikenali sebagai Pusat Pengajian Islam Tok Kenali.

Ahmad al-Fathani telah meninggal dunia, lalu Tok Kenali mengambil keputusan untuk kembali ke Kelantan pada tahun 1909.

Kepulangan beliau ke Kelantan berlaku pada tahun yang sama dengan termeterainya Perjanjian Bangkok yang menyebabkan Kelantan jatuh di bawah penguasaan British setelah lebih 100 tahun bernaung di bawah Siam. Perubahan politik ini memberikan kesan yang besar kepada Tok Kenali kerana pada tahun yang sama juga, Khalifah Othmaniyah, iaitu Sultan Abdul Hamid II telah dijatuhkan daripada takhtanya oleh kelompok sekular yang memberikan kesan buruk terhadap kedudukan Palestin, dan berlakunya perluasan pengaruh Barat di Asia Barat.

Tok Kenali yang pada awalnya membuka pondok di Kampung Paya, Kubang Kerian, telah menerima tawaran sahabatnya, Dato' Nik Mahmud Ismail, Pemangku Perdana Menteri

Kelantan, untuk menjadi guru di Masjid Besar Kota Bharu. Sewaktu berkhidmat di Kota Bharu, Tok Kenali terlibat secara langsung dalam merancang tindakan untuk menangani masalah penerapan dasar Inggeris terhadap pentadbiran negeri.

Antara langkah terbesar yang diambil oleh Tok Kenali bersama Dato' Nik Mahmud dan Dato' Laksamana termasuklah menubuhkan MAIK pada akhir tahun 1915, iaitu tujuh bulan selepas peristiwa kebangkitan Tok Janggut. Melalui MAIK, mereka menyusun semula pentadbiran agama, khususnya masjid dan pengurusan zakat, mengasaskan Majlis Ulama, menubuhkan sekolah agama, seperti Sekolah Majlis, mewujudkan percetakan, menerbitkan majalah bulanan dan buku-buku agama, serta memperkenalkan kelas bahasa Inggeris.

Tok Kenali memegang pelbagai jawatan rasmi, seperti Guru Masjid

Besar Kota Bharu (1913-1917), Ahli MAIK (1915-1933), Guru Besar Agama Masjid Muhammadiyah (1917-1925), Penolong Mufti Kelantan (1917-1933), Anggota Majlis Ulama MAIK (1918-1933), Pengarang Kehormat Pengasuh (1918-1919), Penterjemah *Tafsir al-Khazin* dan *al-Umm* (1929-1930) dan Ketua Pelajaran Agama MAIK (1931-1933). Di samping jawatan rasmi ini, Tok Kenali juga merupakan tuan guru dan mudir di Pondok Kenali yang ditubuhkan pada tahun 1917.

Luar daripada tugas di MAIK dan Pondok Kenali, Tok Kenali sangat aktif membentuk kesedaran politik dalam kalangan masyarakat Melayu. Beliau menubuhkan sebuah kelab politik di Jalan Tengku Perta Semerak, iaitu Jam'iyatul Ashriyah, untuk mewujudkan kesedaran berorganisasi dan keprihatinan terhadap isu semasa umat Islam, terutama ketika teretusnya Perang Dunia Pertama.

Tok Kenali juga menulis dalam

beberapa majalah, seperti *Pengasuh* dan *al-Hidayah*, selain merupakan pembaca tegar majalah Arab, seperti *al-Manar* dan *Urwah al-Wuthqa*, serta akhbar berbahasa Melayu, seperti *al-Imam*, *Saudara* dan *Lembaga Melayu*. Beliau sangat menggalakkan murid-muridnya membaca, serta melatih sebahagian daripada mereka menjadi penulis dan mendorong mereka terlibat dalam pergerakan sosiopolitik pada ketika itu. Tok Kenali meninggal dunia di pondoknya pada 2 Syaaban 1352 bersamaan 19 November 1933, pada usia 65 tahun.

TOK KENALI DAN PERSURATAN MELAYU

Sumbangan Tok Kenali dalam bidang persuratan dapat dilihat dalam pelbagai aspek, sesuai dengan keilmuan dan kegiatannya. Kedudukan Tok Kenali sebagai seorang pengarang, penulis, penterjemah dan novelis telah membentuk ruang sumbangan yang tersendiri dalam bidang persuratan ini. Secara umumnya, sumbangan Tok Kenali dalam persuratan tanah air adalah seperti yang berikut;

1 Penulis dan Penterjemah Kitab Agama.

Tok Kenali menghasilkan tiga buah kitab agama yang telah diterbitkan, iaitu *Risalah ad-Dur al-Mantsur* (1892), *Madkhl Kamil fi Ilmi as-Syarfi* (1933) dan *Mulhiq li Miftahi al-Ta'alam fi I'rabi Matn al-Ajrumiyah wa al-Amtsilah 'ala Ratbih* (1937), iaitu kitab-kitab tentang tatabahasa Arab dan fadilat burdah. Sebuah lagi kitab beliau dalam bidang perkamusan, iaitu *Kitab Tashriif*, yang tidak diterbitkan tetapi menjadi rujukan kitab tatabahasa Arab yang ditulis oleh murid-muridnya, termasuk *Kamus Marbawi* yang dihasilkan oleh Sheikh Idris al-Marbawi. Beliau turut menterjemahkan kitab

Tafsir al-Khazin dan kitab *al-Umm* Imam Syafie.

2 Cerpenis dan Novelis.

Menurut Abdullah al-Qari, Tok Kenali menghasilkan pelbagai cerpen yang tidak diterbitkan, tetapi diriwayatkan oleh murid-muridnya. Abdullah al-Qari (1969) telah menerbitkan semula 12 buah cerpen Tok Kenali dalam satu antologi *Cerpen Tok Kenali*. Satu kumpulan cerpen lain bertajuk *Tok Qadhi* dan *Tok Guru* yang mengandungi sembilan buah cerpen juga dikatakan karya Tok Kenali. Abdullah al-Qari turut menghimpunkan 10 buah syair Tok Kenali dan beberapa untaian kata-kata hikmah ulama tersebut.



Masjid Tok Kenali yang terletak di Kubang Kerian, Kelantan.

3 **Ketua Pengarang Kehormat Pengasuh.**

Tok Kenali menjadi Ketua Pengarang Kehormat *Pengasuh* antara tahun 1918 hingga tahun 1919 dan beliau merupakan pengasas majalah yang paling lama diterbitkan. Sebagai Ketua Pengarang, beliau menentukan hala tuju majalah ini untuk berfungsi sebagai *Islamic Digest*, bukan sebagai sebuah kitab agama. Hal ini bertujuan untuk

seperti, Haji Abbas Taha, Dr. Burhanuddin al-Helmy, Za'ba, William Huat dan lain-lain.

Sebagai kesannya, muncul akhbar-akhbar baharu di Kelantan, seperti *al-Kitab*, *Terok*, *Kenchana*, *Sinaran Kelantan*, *ar-Riwayat*, *Cherita Kelantan* dan lain-lain. Turut muncul ialah percetakan seperti Matba'ah MAIK, Matba'ah Miriyah Kelantan, al-Kamaliah Press, dan Asasiah Press. Para pengarang,

Kadir Adabi juga diberikan ruang untuk berkarya dalam *Pengasuh*, sebelum lahirnya pelapis baharu pada akhir tahun 1930-an. Tok Kenali juga dicatatkan telah melahirkan ulama pengarang yang menghasilkan banyak kitab, seperti Sheikh Idris al-Marbawi, penulis kitab *Bahrul Mazi* yang terkenal itu.

Kehadiran Tok Kenali dalam sejarah tamadun bangsa ini bukan sekadar sebagai seorang

Sumbangan Tok Kenali dalam bidang persuratan dapat dilihat dalam pelbagai aspek, sesuai dengan keilmuan dan kegiatannya. Kedudukan Tok Kenali sebagai seorang pengarang, penulis, penterjemah dan novelis telah membentuk ruang sumbangan yang tersendiri dalam bidang persuratan ini.

menyampaikan ilmu kepada masyarakat dan menggerakkan pemikiran mereka. Tok Kenali menulis pelbagai rencana dalam majalah ini, selain membentuk para penulis baharu, seperti Dato' Laksamana, Dato' Ahmad Ismail dan Abdul Kadir Adabi.

4 **Membentuk Inteligensia Melayu melalui Persuratkhabaran.**

Selain menjadi Ketua Pengarang Pengasuh, sumbangan terbesar Tok Kenali ialah melahirkan majalah *Pengasuh* itu pada Julai 1918. Penerbitan majalah ini telah mendorong penerbitan beberapa majalah lain, sedangkan selama ini masyarakat Kelantan bergantung pada majalah dari Singapura dan Indonesia sebagai sumber maklumat. Kemudian, *Pengasuh* membawa idea pembaharuan dan kritikan sosial kepada masyarakat, selain mempromosikan pemikiran tokoh-tokoh pembaharu

penulis dan wartawan juga akhirnya membentuk Persatuan Penulis Muda Kelantan pada tahun 1934.

5 **Perkaderan Penulis Baharu.**

Kemunculan akhbar dan majalah baharu serta tumbuhnya beberapa percetakan disebabkan oleh lahir ramainya pengarang dan penulis baharu sejak dekad 1920-an. Ketika memimpin *Pengasuh*, Tok Kenali telah melatih Dato' Laksamana dan Dato' Ahmad Ismail sebagai pengarang muda yang kemudiannya menjadi Ketua Pengarang bagi *Pengasuh* selepas Tok Kenali.

Antara anak didik Tok Kenali juga termasuklah Dato' Bentara Luar dan adiknya, Adnan Arifin sehingga Dato' Bentara Luar muncul sebagai Pengarang *Warta Negara* sezaman dengan Rahim Kajai dan Ibrahim Haji Yaakob. Penulis baharu seperti As'ad Shukri Haji Muda dan Abdul

ulama besar, tetapi turut memberikan sumbangan yang besar kepada dunia persuratan. Dalam konteks masyarakat Melayu sebelum Perang Dunia Kedua, bidang persuratan menjadi nadi penting dalam menggerakkan kesedaran masyarakat, terutamanya untuk memugar penghayatan kehidupan beragama.

Bidang persuratan yang digembleng oleh Tok Kenali bukan hanya menyedarkan mereka tentang perlunya kembali kepada al-Quran dan Sunnah, tetapi membuka minda mereka tentang nasib nusa dan bangsa. Bertolak dari situ pula, telah berkembang kesedaran nasionalisme dan kemahuan mereka untuk membebaskan tanah air daripada penjajah. Pendek kata, sumbangan Tok Kenali dalam bidang persuratan membentuk mata rantai kesedaran bangsa ini untuk bangkit dan melakukan pengislahan. **DB**